

# Perubahan nama calon saat akhir amalan biasa

**Ampang:** Pertukaran pada saat akhir beberapa nama calon yang bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) adalah amalan biasa, kata Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presiden PKR itu menjelaskan, perubahan itu dibuat selepas menimbang keperluan yang lebih wajar supaya tindakan sedemikian dilaksanakan.


"Itu proses biasa. Kalau ada keperluan, boleh ada (perubahan). Satu di DUN Damansara dan satu di Terengganu atau Kelantan. Ini proses biasa," katanya ketika ditanya mengenai pertukaran saat akhir calon PKR di kerusi DUN Kota Damansara yang dimaklumkan Naib Presiden yang juga Pengerusi PKR Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, lewat malam kelmarin.

Anwar yang ditemui pemberita di sini,

semalam berkata, bagi DUN Kota Damansara, pertukaran membabitkan Aidi Amin Yazid yang sebelum ini diumumkan sebagai calon, digantikan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, Muhammad Izuan Ahmad Kasim.

PH juga membuat pertukaran calon untuk kerusi DUN Manir, di Terengganu apabila Eka Lisut dari PKR dinamakan sebagai calon baharu menggantikan Mohd Jusoh yang namanya diumumkan, 22 Julai lalu.

Turut bertukar calon di DUN Bukit Selambau di Kedah, dengan PH menamakan semula penyandang kerusi DUN berkenaan, R Summugam yang pada awalnya digugurkan.



**"Perubahan itu dibuat selepas menimbang keperluan yang lebih wajar supaya tindakan sedemikian dilaksanakan. Itu proses biasa. Kalau ada keperluan, boleh ada (perubahan). Satu di DUN Damansara dan satu di Terengganu atau Kelantan. Ini proses biasa"**

Anwar Ibrahim,  
Pengerusi Pakatan Harapan